

Perbetul persepsi negatif perkhidmatan awam

UM - 10/3/2007.

Oleh ROZAMAN ISMAIL
dan HABIBAH OMAR

PUTRAJAYA 9 Mac - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu anggota-anggota perkhidmatan awam memperbetulkan persepsi rakyat yang kurang elok terhadap perkhidmatan berkenaan dengan menyerlahkan perkara-perkara yang baik dalam setiap tindakan mereka.

Perdana Menteri berkata, apabila sesuatu yang baik menguasai situasi yang buruk, maka sesuatu yang buruk itu akan senang diatasi.

"Apa yang mesti kita buat ialah menyerlahkan apa yang baik. Apabila yang baik itu menguasai situasi yang buruk, maka yang buruk akan senang diatasi dan salah silap akan dapat diatasi dengan mudah.

"Bagaimanapun, apabila yang tidak baik dapat kuasai suasana, maka yang baik di sana sini kadangkala tidak dipedulikan orang. Orang tidak nampak (apa yang baik) kerana pemikiran sudah terpengaruh dengan perkara-perkara yang tidak baik," katanya.

Abdullah berkata demikian ketika berucap pada perhimpunan bulanan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN) di sini hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mohd. Johari Baharom dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan.

Menurut Perdana Menteri, berdasarkan kepada laporan *Transparency International*, kedudukan Malaysia dalam hal-hal berkaitan persepsi rakyat masih kurang baik khususnya terhadap agensi dan perkhidmatan awam.

Beliau berkata, usaha bagi memperbaiki



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalaman dengan Mohd. Johari Baharom ketika menghadiri perhimpunan bulanan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di Putrajaya, semalam sambil disaksikan Musa Hassan (terlindung).

- Gambar ABDUL NAZIR MOHAMED

persepsi kurang elok orang ramai terhadap perkhidmatan dan agensi kerajaan bukan mudah kerana ia mengambil masa yang lama.

"Persepsi bukan satu perkara yang boleh dihilangkan dengan cepat. Ia tidak dapat dihilangkan dalam masa satu hari, bahkan dalam masa setahun pun tak dapat," kata Abdullah.

Sehubungan itu, katanya, dalam membolehkan perkara-perkara yang baik menguasai situasi, setiap kakitangan awam perlu mempunyai niat dan tujuan yang baik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, sekali gus menyerlahkan kerja-kerja yang ikhlas.

Selain itu, kata Perdana Menteri, setiap penjawat awam perlu meningkatkan usa-

ha, kualiti dan kecekapan kerja yang membolehkan satu suasana pekerjaan yang baik diwujudkan sepanjang masa.

"Apabila ini dapat dicapai, insya-Allah segala masalah dapat diselesaikan dengan baik. Kita semua juga boleh berasa bangga," katanya.

Perdana Menteri berkata, laporan *Millennium Development* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menunjukkan Malaysia lulus dalam banyak perkara seperti usaha membasmi kemiskinan kecuali gagal dalam membanteras masalah dadah.

Katanya, dalam usaha membasmi kemiskinan, Malaysia mempunyai rekod yang baik.

Bagaimanapun, tegas beliau, orang ramai tidak nampak perkara itu sebaliknya hanya melihat soal kegagalan dalam isu dadah.

Kerana itulah, kata Abdullah, persepsi rakyat terhadap usaha-usaha membanteras dadah masih tidak berubah walaupun ia telah dilaksanakan sejak 1970-an lagi.

"Begitu juga apabila berlaku tangkapan dadah atau yang ada kaitan dengan polis, maka adalah andaian yang mengatakan polis dalam keadaan kelim-kabut sehingga menimbulkan persepsi yang kurang elok.

"Sedangkan orang ramai tidak nampak polis sentiasa berusaha memendekkan masa bertindak setiap kali menerima aduan semata-mata (kerana) terpengaruh dengan berita gempar yang tidak elok mengenai perkhidmatan polis di akhbar-akhbar," tegas beliau.

Menurut Perdana Menteri, agensi-agensi di bawah KKDN perlu menyampaikan maklumat yang diperlukan dengan segera bagi memastikan keputusan yang dibuat oleh kementerian dapat dilaksanakan dengan pantas, berkualiti dan menepati masa.